

24 JUL 2002

MT TETAPKAN MESYUARAT DAN PEMILIHAN PUTERI UMNO 2 NOV

KUALA LUMPUR, 24 Julai (Bernama) -- Majlis Tertinggi (MT) Umno hari ini menetapkan mesyuarat dan pemilihan peringkat pusat Pergerakan Puteri Umno diadakan pada 2 Nov ini.

Timbalan Perdana Menteri yang juga Timbalan Presiden Umno Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata ia akan didahului dengan mesyuarat dan pemilihan peringkat cawangan pada 1 Ogos hingga 15 Sept manakala peringkat bahagian pada 16 Sept hingga 15 Okt.

"Dengan mesyuarat dan pemilihan ini tamatlah status penaja Puteri Umno," katanya pada persidangan media selepas mesyuarat MT yang dipengerusikan Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini hari ini.

Abdullah, yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan parti berkata mesyuarat dan pemilihan peringkat cawangan, bahagian dan pusat pergerakan itu diadakan ekoran pindaan perlembagaan parti Jun lepas yang mengesahkan Puteri Umno sebagai satu entiti baru Umno.

Puteri Umno kini diterajui oleh ketua penaja Azalina Othman Said. Kedudukan Ketua Puteri Umno dalam MT adalah sebagai Naib Presiden.

Keanggotaan pergerakan itu terbuka kepada wanita muda Melayu berusia 18 hingga 35 tahun dan sehingga 40 tahun bagi jawatan ketuanya.

-- BERNAMA

HS MAM ROS